PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA
(MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)
NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

*Presiden*
DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF

*TimbalanPresiden*
MOHAMMAD UBAIDILLAH BIN IMAN

*Naib Presiden*
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT
BRIG JEN DATO' ZAINAL BIN ABD RAHMAN TUDM (B)
SALIZAABDULLAH

*SetiausahaKehormat*
DATO' HABIBULLAH BIN DATO' HJ. AHMAD

*BendahariKehormat*
FIKHRAN HAMSHI BIN TAN SRI MOHAMAD FATMI

*PenolongSetiausaha*
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

*PenolongBendahari*
AINI SURAYA BT DATUK OSMAN

*Ahli-ahliJawatankuasa*
KAPTEN DATO' ISMAIL BIN ISHAK (B)
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR
DATUK HJ. ZAIDI BIN MOHAMED
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)
IR. SOFIA BT DATO' IR. HJ. JOHARI
DATUK M. SHANKER RAJ AYANGER
ACP. ZAKARIA BIN ADAM (B)
DATO' DR BASANT SINGH SIDHU
DATO' DR. YUNUS BIN RAHMAT

*JuruauditDalaman*
MOHD HODORI BIN SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

*Pengerusi WP Kuala Lumpur*
ADILA BIN DATO' ABDULLAH

*Pengerusi Negeri Selangor*
DATO' DR. S. PRABAKARAN

*Pengerusi NegeriJohor*
DATUK HJ. MHD. TAHIR BIN HJ. MOHD NOAH

*Pengerusi Negeri Perak*
ZAITON BT MOHD NUSI

*Pengerusi NegeriKelantan*
HJ. AFENDI BIN MUKHTAR

*Pengerusi NegeriTerengganu*
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

*Pengerusi Negeri Pahang*
MOHAMAD TARMIZI BIN MOHAMAD GHANI

*Pengerusi NegeriPulau Pinang*
MUHAMMAD SYAFIQ BIN HJ. ISHAK

*Pengerusi NegeriKedah & Perlis*
DATO' HJ. MDROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

*Pengerusi Negeri Melaka*
DATO' SRI GAN PENG LAM

*Pengerusi Negeri Sembilan*
HJ. KHAIDZER BIN HJ. KEDAH

*Pengerusi Negeri Sabah*
MOHD ISMAIL BIN HJ. AYOB

*Pengerusi Negeri Sarawak*
SHAHARUDDIN BINDATO' SAMSI

*Sekretariat*

*PengurusBesar*
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2022(34) 29 DISEMBER 2022

**SEMUA AHLI PIKM**
(U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PIKM KE-34/2022:**
**ARAHAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI BERHUBUNG PENGEMASKINIAN STATUS SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa PIKM telah menerima arahan terkini daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui surat rujukan KDN.K.S.700-3/1/(41) bertarikh 28 Disember 2022 seperti di lampiran.

3. Berikut merupakan intipati penting berhubung arahan tersebut bagi **pengemaskinian status syarikat kawalan keselamatan** seperti berikut:

3.1 Bahagian Keselamatan KDN telah mengadakan satu sesi libat urus bersama Bahagian Perolehan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 29 November 2022;

3.2 Hasil perbincangan kedua Kementerian telah mendapati terdapat banyak syarikat kawalan keselamatan yang tidak mengemaskini maklumat syarikat di dalam Sistem Pengurusan Industri Keselamatan (eSIMS) khususnya maklumat cawangan dan pengawal keselamatan;

3.3 Pihak syarikat adalah diarahkan untuk mengemaskini maklumat di dalam eSIMS berkaitan cawangan yang tidak lagi beroperasi dan pengawal keselamatan yang telah berhenti dengan kadar segera; dan

3.4 Syarikat kawalan keselamatan turut diarahkan bagi mengemukakan lesen premis perniagaan daripada pihak berkuasa tempatan bagi tujuan pengesahan Surat Kelulusan Cawangan (CTC) oleh KDN.

4. Disamping pengemaskinian Sistem eSIMS, syarikat juga diingatkan untuk mengemaskini maklumat syarikat yang dipaparkan pada direktori di laman web rasmi PIKM (www.pikm.my) sekiranya terdapat perubahan seperti nama syarikat, lembaga pengarah / pemegang saham, alamat pejabat dan sebagainya. **Borang Kemas Kini Maklumat Organisasi Ahli** seperti di lampiran, yang turut boleh diperolehi melalui pautan: https://www.pikm.my/membership-application/ perlu disertakan bersama surat kelulusan KDN ke alamat **info@pikm.my.**

Untuk perhatian dan tindakan lanjut ahli-ahli PIKM.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF**
**PRESIDEN**

Salinan kepada:

YBrs.Tuan Amirul Asyraf Bin Ismail
Ketua Penolong Setiausaha
Unit Agensi Persendirian
Bahagian Keselamatan
Kementerian Dalam Negeri

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**
BAHAGIAN KESELAMATAN
ARAS 9 & 10, BLOK D1, KOMPLEKS D,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62546 PUTRAJAYA.

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8889 1763/1751
Web : www.moha.gov.my

Ruj.Kami : KDN.K.S.700-3/1/7(41)
Tarikh : 28 Disember 2022

**Presiden**
Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM)
No. 715 & 716, Blok A, Tingkat 7, Kelana Business Centre
Jalan SS 7/2, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya
SELANGOR

No. Faks: 03-78038691

YBhg. Dato' Sri,

**ARAHAN MENGEMASKINI STATUS SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato' Sri, Bahagian Keselamatan telah mengadakan satu sesi libat urus bersama Bahagian Perolehan, Kementerian Pendidikan (KPM) pada 29 November 2022 yang lalu. Hasil perbincangan tersebut telah mendapati terdapat banyak syarikat kawalan keselamatan yang tidak mengemaskini maklumat syarikat di dalam Sistem Pengurusan Industri Keselamatan (eSIMS) terutamanya maklumat cawangan dan pengawal keselamatan.

3. Syarikat kawalan keselamatan adalah diarahkan untuk mengemaskini maklumat syarikat di dalam sistem eSIMS terutamanya maklumat cawangan yang tidak lagi beroperasi dan pengawal keselamatan yang telah berhenti. Pemutihan bagi pejabat cawangan yang telah ditutup dan pengawal keselamatan yang telah berhenti hendaklah dilaksanakan dengan kadar segera. Pihak syarikat juga adalah diarahkan untuk mengemukakan lesen premis perniagaan daripada pihak berkuasa tempatan bagi tujuan pengesahan surat kelulusan cawangan (CTC) oleh Kementerian Dalam Negeri.

4. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Dato' Sri adalah dimohon untuk memanjangkan arahan ini kepada semua syarikat kawalan keselamatan yang berlesen di bawah Akta Agensi Persendirian 1971. Segala kerjasama dan kesudian YBhg. Dato' Sri amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(AMIRUL ASYRAF BIN ISMAIL)**
Bahagian Keselamatan
b.p: Ketua Setiausaha
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri

PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA
(MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION (MSIA))
28 DEC 2022
RECEIVED

Salinan kepada:

**YBhg. Dato' Sri KSU**
**YBhg. Dato' TKSU (K)**
**SUB (K)**
**TSUB (K) I**

**Tuan Suliman bin Abd Rahman**
Setiausaha Bahagian Perolehan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Blok E8, Kompleks E
62604 PUTRAJAYA
suliman@moe.gov.my
Tel: 03-88849292
Fax: 03-88849535

# BORANG KEMAS KINI MAKLUMAT ORGANISASI AHLI
# PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA

| MAKLUMAT PERHUBUNGAN SYARIKAT | | | |
|---|---|---|---|
| **Nama Syarikat** | | | |
| **Alamat** | | | |
| **Telefon** | | **Telefaks** | |
| **E-mel** | | **Laman Web** | |

| MAKLUMAT LESEN AGENSI PERSENDIRIAN (KEMENTERIAN DALAM NEGERI) | |
|---|---|
| **Jenis Lesen** | |
| **Nombor Lesen** | |

| MAKLUMAT KORPORAT SYARIKAT | | |
|---|---|---|
| **Modal Berbayar** | | |
| **Lembaga Pengarah** | **Nama Penuh** | **Jawatan** |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| **Pemegang Saham** | **Nama Penuh** | **% Pemilikan** |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| **Pejabat Cawangan (Alamat, Telefon, Telefaks)** | | |
| | | |
| | | |
| | | |

| MAKLUMAT PEGAWAI YANG MENGEMASKINI | |
|---|---|
| **Nama Penuh** | |
| **Jawatan** | |

**Nota: Borang lengkap hendaklah disertakan bersama **surat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri** dan dikemukakan ke alamat emel **info@pikm.my**.